

MPSJ pasang tembok kuatkan struktur tanah

PUCHONG: Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan memasang tembok batu dan cerucuk mampan bagi menguatkan struktur tanah tapak rumah yang dibina di atas aliran air di Bandar Puteri 9, di sini.

Penolong Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPSJ, Azizah Baharom, berkata tender itu akan dibuka sebaik pihaknya mendapat lakaran tanah daripada pemaju dan laporan kajian GCU Consultants Sdn Bhd, perunding yang dilantik menjalankan kajian di kawasan itu.

“Sebaik mendapat lakaran tanah dan laporan kajian itu, kami akan menghantar salinan kepada Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) untuk semakan sebelum mengiklan tender.

“Jangkaan kerja baik pulih dilakukan bermula pada pertengahan atau akhir Oktober ini dan kami akan cuba mempercepatkan proses terabit,” katanya ketika membuat lawatan di kawasan berkenaan, semalam.

Turut serta Pengarah Perniagaan IKRAM, Jimjali Ahmed dan Pengerusi Persatuan Penduduk Bandar Puteri 9, Peter Lim.

Sehubungan itu, beliau meminta penduduk bersabar sehingga

kerja baik pulih disiapkan sepenuhnya.

Semalam *Sentral* melaporkan penduduk Bandar Puteri 9 di sini, tidak dapat tidur lena setiap malam selepas menyedari rumah mereka dibina di atas aliran air yang ditambah pemaju tanpa mengikut spesifikasi ditetapkan.

Penduduk mendakwa nyawa mereka ibarat di hujung tanduk kerana aliran air itu masih wujud sehingga menyebabkan keadaan tanah di situ sentiasa lembap.

Sementara itu, Pengarah Perniagaan IKRAM, Jimjali Ahmed, berkata pihaknya akan merujuk perkara ini kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berhubung masalah aliran air yang didakwa menjadi punca utama berlaku pergerakan tanah dan tanah mendap di kawasan berkenaan.

“Penelitian akan dilakukan IKRAM dengan kerjasama MPSJ dan JPS berhubung isu ini. Daripada tinjauan kami di lokasi kejadian mendapati terdapat aliran air yang tidak sekata, namun masih belum dikenal pasti puncanya dan kami hanya akan mengetahuinya selepas siasatan selesai,” katanya.



PEGAWAI IKRAM dan MPSJ meninjau tempat punca air di Bandar Puteri 9, Puchong.